

SULIT
1249/2
SEJARAH
KERTAS 2
NOVEMBER
2000
2 JAM

1249/2

PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
CAWANGAN TERENGGANU
DENGAN KERJASAMA
JABATAN PENDIDIKAN TERENGGANU

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2000

TINGKATAN EMPAT

SEJARAH

KERTAS 2

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan

1. *Kertas soalan ini mengandungi 8 soalan.*
2. *Jawab empat soalan sahaja.*

Kertas soalan ini mengandungi 4 halaman bercetak

Jawab mana-mana empat soalan

- 1 Tamadun awal manusia dikatakan bermula pada zaman Neolitik dan ia wujud di lembah-lembah sungai.
- (a) Mengapakah tamadun awal manusia dikatakan bermula pada zaman Neolitik (10 m)
 - (b) Pada pandangan anda, apakah kelebihan-kelebihan yang terdapat di lembah sungai sehingga menyebabkan tamadun awal wujud di kawasan itu. (06 m)
 - (c) Tamadun Sumeria (Mesopotamia) merupakan antara tamadun terawal wujud di dunia. Huraikan sumbangan tamadun Sumeria kepada peradaban awal manusia. (09 m)
- 2 Tamadun Yunani dan Rom telah mencapai tahap yang lebih kompleks dalam pelbagai aspek.
- (a) Huraikan sumbangan tamadun Rom dalam bidang teknologi. (10 m)
 - (b) Jelaskan perkembangan falsafah dan pendidikan di Yunani. (10 m)
 - (c) Bagaimanakah sistem demokrasi diamalkan di Yunani. (05 m)
- 3
- (a) Kurun ke-16 merupakan Zaman Keemasan bagi kerajaan Turki Uthmaniyyah. Pada zaman keemasan ini, jajahan takluk kerajaan Turki Uthmaniyyah meliputi kawasan seluas kira-kira 400,000 batu persegi. Jelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan Turki Uthmaniyyah memperluaskan jajahan takluknya. (10 m)
 - (b) Tamadun Islam telah memberikan sumbangan yang begitu besar terhadap peradaban dunia dan tamadun manusia. Bincangkan sistem ekonomi mengikut pandangan Islam. (07 m)
 - (c) Pendidikan merupakan satu aspek penting dalam Islam. Jelaskan prinsip-prinsip pendidikan Islam (08 m)

Keistimewaan negara-negara di Asia Tenggara telah berjaya menarik minat kuasa-kuasa Eropah untuk menguasainya pada abad ke-16.
Sejarah Peradaban Dunia.

- 4 (a) Apakah keistimewaan-keistimewaan yang ada pada Melaka sehingga menjadikannya tumpuan Portugis? (07 m)

Asia pula menunjukkan sikap yang dingin terhadap kehadiran orang yang datang dari luar benuanya.
Sejarah Peradaban Dunia

- (b) Apakah alasan orang Asia untuk berpegang kepada pendirian ini dalam usaha menolak kedatangan Eropah. (08 m)
- (c) Dengan mengambil contoh negara Vietnam dan Filipina, huraikan faktor-faktor penolakan penduduk setempat terhadap kedatangan kuasa Eropah di negara mereka? (10 m)

- 5 Britain merupakan negara pertama yang mengalami Revolusi Pertanian dan Revolusi Perindustrian.

- (a) Bincangkan faktor utama yang membawa kepada tercetusnya Revolusi Perindustrian di Britain kurun pada ke-18? (10 m)
- (b) Jelaskan kesan-kesan Revolusi Perindustrian ke atas masyarakat Eropah. (15 m)

- 6 Imperialis Barat telah membawa banyak kesan terhadap masyarakat di Asia Tenggara.

- (a) Jelaskan bagaimanakah perubahan-perubahan yang dibawa oleh imperialis Barat menguntungkan peribumi. (08 m)
- (b) Walaupun terdapat pertumbuhan ekonomi serta kewujudan kekayaan di rantau ini, namun taraf hidup sebilangan besar penduduknya masih tidak meningkat. Mengapakah hal ini boleh berlaku khususnya dalam bidang ekonomi. (12 m)
- (c) Mengapakah imperialis Barat gagal mengatasi masalah sosioekonomi sehingga menyebabkan rakyat di rantau ini menderita di tengah-tengah pembangunan negara? (05 m)

- 7 Pada kurun ke-19, benua Asia merupakan sasaran utama kuasa imperialis Barat.
- (a) Mengapakah kuasa-kuasa imperialis Barat ingin menguasai benua ini? (12 m)
- (b) Andaikan anda seorang pejuang nasionalis ketika zaman imperialis Barat di Asia Tenggara.
Apakah faktor-faktor yang membangkitkan kesedaran nasionisme penduduk di Asia ketika itu? (13 m)
- 8 (a) Nyatakan kesan-kesan kemelesetan ekonomi dunia terhadap Tanah Melayu. (13 m)
- (b) Apakah punca dan bukti kegagalan Liga Bangsa sebagai badan pengaman Dunia. (12 m)

KERTAS SOALAN TAMAT